

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

Rabiulawal-Rabiulakhir 1443/ November 2021

ACIS



SEJARAH AWAL KETAMADUNAN LUAK JELEBU



eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 6 0 0 1

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Nur Sofiah binti Suhaimi

Sidang Pengarang:

Dr. Muhammad Firdaus bin Hj. Abdul
Manaf
Dr. Hj. Mohd. Kamel bin Mat Salleh
Muhammad Noor Hussin
Nurul Atikah Poniran
Dr. Adibah binti Bahori
Nasif Sidquee Pauzi
Suhaila Sharil

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan
artikel akademik atau apa-apa
hasil karya?

Hantarkan ke
buletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah Buletin ACIS siri ke-37 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah "*Sejarah Awal Ketamadunan Luak Jelebu*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Sejarah Awal Ketamadunan Luak Jelebu 3

Kenali Mufti Pertama Kerajaan Negeri Sembilan (Tuan Syeikh Hj. Ahmad bin Syeikh Hj. Muhammad Said Al-Lingga) 5

Keutamaan Pujian Kepada Allah SWT dan Selawat Kepada Nabi Muhammad SAW 6

Fiqh Halal 7

Pemerkasaan Program Pencegahan Terhadap Isu Seks Bebas dalam Kalangan Remaja 8

Jahiliah dan Ideologi 10

Penubuhan Jabatan/Institusi Fatwa di Malaysia: Kedah, Perlis dan Pulau Pinang 11

Briged Greet and Meet 12

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan sebulan sekali



<https://www.facebook.com/ACISN9>

SEJARAH AWAL KETAMADUNAN LUAK JELEBU

Oleh: Dr. Muhammad Firdaus bin Haji Abdul Manaf & Dr. Haji Mohd. Kamel bin Mat Salleh
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Luak Jelebu merupakan salah satu Luak Berundang di Negeri Sembilan. Pembentukan luak ini melalui tempoh cukup lama iaitu bermula seawal termeterainya perjanjian dengan pihak kolonial. Sepanjang tempoh sebelum wujudnya Luak Jelebu di bawah perjanjian tersebut, sejarah luak ini dianggap amat misteri hingga wujudnya istilah '*Dynastic of Myth*'.

Hal ini menggambarkan bahawa Sejarah Jelebu begitu misteri dan sukar dibongkar. Ia dianggap sukar untuk diteliti dan dikaji kerana kekurangan bahan-bahan rujukan serta data-data yang sahih terutamanya daripada pihak kolonial sendiri. Hal ini menyebabkan berlakunya simpang-siur dalam penceritaan sejarah dan memberikan kesan yang cukup mendalam terhadap pembinaan jati diri sebahagian masyarakat di luak ini. Kesannya, pengaruh-pengaruh asing diagungkan sedangkan luak ini mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri dengan pembentukan struktur pentadbiran seawal tahun 1440-an Masihi lagi dan pernah mencapai kemuncak tamadun kerajaannya dengan kestabilan politik, sosial dan ekonomi serta berjaya menjadi mercu tanda keagungan Islam sekitar tahun 1600-an Masihi.

Tambahan pula, sebahagian pendapat menyebut bahawa Luak Jelebu diasaskan sebagai salah sebuah kerajaan dari Luak Nan Sembilan, seawal abad ke-13 Masihi lagi yang sama berdiri dengan kota-kota Kerajaan Melayu Lama lain seperti Pan-pan, Chih-Tu, Tanjung Pura, Ligor, Lembah Taraqun dan Indra Pura. Malah, Luak Jelebu merupakan salah sebuah pemerintahan berkeluarga yang telah ribuan tahun berdiri, pencapaian kemajuan yang lebih awal dan lebih tinggi ketamadunannya. Hal ini jelas dilihat pada peletakan nama Jelebu itu sendiri apabila kedudukannya sebagai Pusat Perairan Strategik dengan kewujudan jawatan YM Dato' Berdurai atau *Wizurai* iaitu Ketua Turus Angkatan Panglima Perang yang turut digunakan oleh Pemerintah Sardinia dan Corsica dalam Kerajaan Aragon seawal abad ke-13 Masihi. Dalam masa yang sama, penggunaan kuku 'Changgai' oleh permaisuri-permaisuri Maharaja China yang juga digunakan oleh isteri YM Dato' Berdurai sehingga dikenali sebagai Batin Berchanggai Besi, menjadi 'Pusat Persinggahan Utama' oleh pemerintah daripada Kerajaan-kerajaan Melayu Lama. Selain itu, ia turut menjadi 'Pusat Dakwah Nusantara' sehingga dikunjungi oleh tokoh-tokoh ulama termasuklah dalam kalangan Wali Songo, YM Kadi Padang Genting Malim Kalimun al-Sakandarī al-Shāzūlī, YM Raja Khatib, Sunan Bonang al-Naqshabandī, Sunan Muria al-Shattārī, Waliyullah Masyriq, Sayyid Ahmad Husayn al-Jufri al-'Alāwī dan lain-lain lagi.

Aktiviti perdagangan di perairan Luak Jelebu yang pesat ketika itu menyebabkan DYMM Dato' Mendelika Menteri Akhirulzaman Sultan Jelebu iaitu Dato' Moyang Salleh mengurniakan jawatan YM Dato' Shahbandar kepada sepupunya iaitu YM Dato' Sohor, susulan perkenan DYMM Sultan Muazzam Shah dari Kerajaan Johor yang mengurniakan sebuah cop dan 'Kuasa Mengutip Cukai' di perairan Jelebu kepada YM Dato' Shahbandar Sohor yang akhirnya dikenali

sebagai 'Pucuk, Bulat, Waris Di Air, Tumpuan Tua Segala Dagang'. Peristiwa ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi dalam peristiwa 'Pemutusan Tali Ke Johor' oleh DYMM Dato' Moyang Salleh. Jawatan YM Dato' Shahbandar itu kemudiannya pesaka yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi seterusnya, sehingga sampai ke hari ini. Gelaran Duli Yang Maha Mulia (DYMM) sepatutnya dinisahkan kepada Dato' Moyang Salleh kerana ia adalah selari dengan jawatannya sebagai Sultan Jelebu sebagaimana yang termaktub dalam cop kurnia DYMM Sultan Muazzam Shah. Wakil kepada Pegawai British Pertama di Daerah Jelebu iaitu H.A. O'Brien yang dihantar oleh Gabenor British Negeri Selat pada tahun 1883 Masihi menyifatkan tulisan pada cop tersebut dengan kata-kata beliau '*The Sultan Mu'azzam Shah confers upon the Mandelika Menteri supreme authority to be the Sultan of Jelebu for ever*'.

Tulisan beliau tersebut membawa maksud iaitu, '**Sultan Muazzam Shah menjunjung kebesaran kepada Menteri Akhirulzaman kuasa tertinggi menjadi Sultan Jelebu yang Mendelika (berkuasa penuh dalam pentadbirannya) selamanya**'. Hal ini menyebabkan pentadbiran dalam luak ini juga turut dikenali sebagai 'Pemerintahan Bergajah Tunggal' yang bermaksud pemerintahan tersendiri dan tidak berada di bawah mana-mana kuasa pemerintahan yang lain. Namun begitu, anehnya gelaran 'Sultan Jelebu' ini tidak digunakan oleh DYMM Dato' Moyang Salleh dan Dato'-dato' Undang selepasnya. Hal ini menyebabkan penulis sendiri berasa bingung hendak menisahkan gelaran kehormat khususnya kepada Dato' Moyang Salleh. Apakah cukup memadai dengan Yang Teramat Mulia (YTM) sebagai Dato' Undang Luak Jelebu Pertama atau sepatutnya dengan gelaran Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Paduka Baginda atas kedudukannya sebagai Sultan Jelebu yang pertama?.

Hal ini memperlihatkan sikap rendah diri DYMM Dato' Moyang Salleh yang amat luar biasa, yang dimiliki oleh orang-orang Sufi dan para Wali Allah SWT. Oleh yang demikian, penulis mempercayai kisah-kisah luar biasa yang dikaitkan dengan DYMM Dato' Moyang Salleh bukanlah kerana pendampingnya dalam kalangan Jin dan sebagainya. Sebaliknya, ia adalah anugerah daripada Allah SWT kepada hamba-hamba pilihanNya yang disebut sebagai 'Keramat', bertepatan dengan namanya iaitu 'Salleh'. Penulis beranggapan bahawa cerita yang didengari berkaitan sejarah Jelebu dengan Jin dan sihir sebenarnya percubaan menjatuhkan Luak Jelebu sebagai 'Luak Pilihan Tuhan'. Manakala gelaran Yang Mulia (YM) kepada Dato' Shahbandar pula adalah selari dengan jawatannya sebagai salah seorang YM Dato' Lembaga di luak ini (Terjali, 1967).

Jelebu mencapai kemuncak tamadun yang tinggi sekitar tahun 1600 Masihi sehingga 1750 Masihi. Pada ketika itu, Jelebu sudah mempunyai sistem pentadbiran, ketenteraan, ekonomi, perdagangan, pendidikan dan sosial yang tersendiri. Jelebu menjadi pusat persinggahan strategik para pedagang yang hendak ke mana-mana tempat di Tanah Semenanjung dengan

menggunakan Sungai Pahang, Sungai Kenaboi, Sungai Teriang, Denai Penarikan, Sungai Muar dan banyak lagi. Hal ini secara langsung menjadikan Jelebu sebagai pusat tumpuan di sebelah darat oleh kebanyakan Raja, Sultan, Pemerintah, Batin daripada pelbagai bangsa dan suku kaum manusia daripada Minangkabau, Bugis, Pasai, Majapahit, Srivijaya, Langkasuka, Champa, Kesultanan Melayu Melaka, Arab dan lain-lain lagi.



Gambar: Cop Kurnia DYMM Sultan Johor yang mengiktiraf Dato' Moyang Salleh sebagai Duli Yang Maha Mulia Sultan Jelebu Pertama

Kepesatan tamadun Jelebu ketika itu amat dikagumi dan dapat bertahan tanpa gangguan sebarang kuasa luar kerana kecekapan pentadbiran serta ketenteraannya. Selain itu, terdapat banyak tokoh agama yang hadir telah dikesan. Antaranya ialah Kadi Padang Genting Malim Kalimun al-Sakandarī al-Shāzūlī, Khatib Meraja, Sunan Bonang al-Naqshabandi (1465-1524 Masihi), Sunan Muria al-Shattārī, Waliyullah Masyriq dan Sayyid Ahmad Husayn al-Jufrī al-Ālāwī. Menariknya, ketamadunan yang dicapai ketika itu dipercayai mempunyai kaitan dengan penggunaan nama Jelebu untuk luak ini sampailah sekarang. Keterangannya adalah seperti berikut:

a. Perkataan Jelebu berasal daripada kata nama bahasa Arab iaitu Jalabun yang bermaksud tempat berkumpul para pimpinan. Manakala, kata kerja dalam bahasa Arabnya pula ialah *Jalabū* yang bermaksud mereka (pimpinan) berkumpul di sesuatu tempat (Lisān al-'Arab, 2000 & Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006). Hal ini bersesuaian dengan luak ini yang terkenal sebagai tempat berkumpulnya para pendakwah, alim dan tokoh Sufi seperti Kadi Padang Genting, Khatib Meraja, Sunan Gresik, Sunan Bonang, Sunan Muria, Waliyullah Masyriq, Sayyid Ahmad Husayn, Sayyid Zayn al-Ābidin dan lain-lain lagi. Para pembesar pula terdiri daripada Baginda Maharaja Alif Khalifatullah, Baginda Permaisuri Ambang Sari dan pembesar-pembesar lain daripada Minangkabau, Bugis, Rawo dan *Ahl al-Bayt*.

b. Kata nama bahasa Arab *Jalabun* juga membawa maksud 'tempat perlabuhan' atau 'berdagang'. Manakala, kata kerjanya ialah *Jalabū* yang bermaksud 'para pedagang berniaga di sebuah pelabuhan' atau 'tempat khusus berniaga' (Lisān al-'Arab, 2000 & Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006). Hal ini bertepatan dengan kedudukan Jelebu sebagai 'Tumpuan Tua Segala Dagang' melalui laluan aliran Sungai Teriang yang menghubungkan antara Sungai Pahang dengan Sungai Kenaboi, Denai Penarikan dan Sungai Muar. Kesesakan laluan air ini digambarkan mengikut perjalanan Parameswara yang membuka Melaka pada tahun 1263 M telah melalui aliran sungai-sungai ini berdasarkan petikan Negara Kertagama (Pupuh 14):

"Di hujung Medini Pahang yang disebut paling dahulu, berikut Langkasuka, Saimwang, Kelantan serta Terengganu, Johor, Paka, Muar, Dungun, Tumasik serta Sening Hujung, Kelang serta Kedah, Jerai, Kanjapiniran, semua sudah lama terimpun"

Ketika itu, Kuala Klawang dijadikan sebagai pusat laluannya. Hal ini berdasarkan kedudukan Masjid Lama Kuala Klawang dikenali sebagai 'Masjid Dagang' oleh pendudukan setempat kerana dipercayai para pedagang dahulu melabuhkan kapal-kapal mereka untuk berdagang, berehat dan kutipan cukai dilakukan di persimpangan sungai yang berhampiran dengan masjid tersebut yang berhampiran dengan Bukit Tengger di Pekan Kuala Klawang sekarang. Kepesatan perdagangan ketika itu menyebabkan Lembaga Waris Anak Dagang di Hulu dan Lembaga Waris Anak Dagang di Hilir diwujudkan bagi menyalarkan sistem pentadbiran Waris Anak Dagang ketika itu.

c. Kata nama bahasa Arab *Jalabun* juga membawa maksud 'bising'. Manakala, kata kerjanya ialah *Jalabū* yang bermaksud 'menempik' (Lisān al-'Arab, 2000 & Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006). Hal ini menggambarkan kepadatan luak ini sebagai tempat pelabuhan semua pedagang yang berlabuh dengan penuh sesak.

d. Kata nama bahasa Arab *Jalabun* juga membawa maksud 'kubu' atau 'tempat berlindung daripada musuh'. Manakala, kata kerjanya ialah *Jalabū* yang bermaksud 'melindungi dengan kubu' (Lisān al-'Arab, 2000 & Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006). Hal ini menggambarkan sistem pemerintahan yang diamalkan oleh luak ini memberikan jaminan keselamatan kepada para pedagang berdasarkan faktor muka buminya yang bergunung-ganang menyerupai sebuah kubu yang besar.

Oleh kerana luak ini cukup terkenal dengan kehadiran para pendakwah, para pembesar dan pedagang yang begitu ramai dengan kepelbagaiannya latar belakang dialek dan slanga bahasa, akhirnya perkataan *Jalabū* berubah kepada nama 'Jelebu'.



Makam YM Dato' Mentunggang, YM Dato' Gombak, YM Mayang Acheh, YM Mayang Angsa dan YM Dato' Raja Balang Long



Masjid Warisan Kariah Kg. Peninjau yang berusia lebih 500 tahun, dianggap sebagai 'Masjid Keramat' dan tertua di Negeri Sembilan menjadi sebahagian kawasan Istana DYMM Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Sultan Jelebu I, Dato' Moyang Salleh

KENALI MUFTI PERTAMA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

(Tuan Syeikh Hj. Ahmad bin Syeikh Hj. Muhammad Said Al-Lingga)

Oleh: Dr. Hj. Mohd. Kamel bin Mat Salleh & Dr. Muhammad Firdaus bin Haji Abdul Manaf

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Mufti pertama dalam sejarah Negeri Sembilan ialah Tuan Syeikh Haji Ahmad bin Haji Mohd Said. Menteri Besar yang pertama iaitu Dato' Haji Abdul Malik bin Yusuf (1948 – 1950) telah menawarkan jawatan ini kepada beliau dan telah dipersetujui oleh para ulama Negeri Sembilan dalam satu persidangan.

Awalnya beliau menolak tawaran ini, namun atas asas maslahah dan desakan kuat pembesar serta ulama Negeri Sembilan ketika itu, beliau menerima untuk memimpin masyarakat Islam Negeri Sembilan kearah keredhaan Allah SWT. Beliau berkhidmat sebagai Mufti Negeri Sembilan selama 14 tahun (1950-1964).

Tuan Syeikh Hj. Ahmad juga telah dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang pertama pada tahun 1950. Sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, beliau juga adalah Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan. Hal ini bermaksud, tiga jawatan utama institusi Islam Negeri Sembilan disandang oleh beliau iaitu Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan. Hal ini menunjukkan kredibiliti beliau sebagai seorang ulama berpengaruh di samping tahap keilmuan beliau yang tidak dapat disanggah dan dipertikai.

Tuan Syeikh Hj. Ahmad dilahirkan pada 26 Rabiulawwal 1328 H (1912) di Kampung Bukit Ampangan, Seremban. Mendapat Pendidikan awal di Sekolah Melayu Ampangan. Pendidikan awal agama diperolehi secara terus melalui didikan ayahnya yang juga merupakan seorang ulama terkenal Negeri Sembilan kelahiran Makkah al-Mukarramah iaitu Syeikh Muhammad Said al-Lingga. Seperti adik beradiknya yang lain, ilmu pengajian Islam seperti ilmu Akidah, Syariat dan Tasawuf diajar sendiri oleh bapanya.

Selaras dengan ayahnya meninggal dunia, Tuan Syeikh Hj. Ahmad pergi menuaikan haji di Mekah ketika berusia 15 tahun dan belajar ilmu agama di sana selama 7 tahun. Sepanjang pengajiannya di Mekah, beliau berguru dengan beberapa ulama terkenal seperti Syeikh Ali al-Maliki, Syeikh Abd Sattar al-Kutubi, Syeikh Said al-Yamani dan Syeikh Abdul Hayy al-Kattani. Beliau seorang penuntut yang sangat tekun belajar dan dikasihi guru-gurunya. Sebagai tanda kecemerlangan beliau, guru-gurunya telah memberi Akuan (Ijazah) kepada beliau.

Setelah pulang dari Mekah, beliau mengembangkan ilmu agama dan berdakwah kepada masyarakat di serata masjid dan surau di Negeri Sembilan. Beliau turut membimbing masyarakat beramal dengan Tarekat Ahmadiyyah yang diasaskan oleh almarhum ayahnya Syeikh Muhammad Said al-Lingga tentang cara beramal, kaedah mengamalkan zikir-zikir tarekat dan memberi kefahaman kepada umat Islam berkenaan kepentingan ilmu tarekat sebagai kekuatan spiritual seorang individu muslim. Sepertimana almarhum bapanya, beliau turut menguasai ilmu agama dalam bidang-bidang seperti usuludin, syariah, tasawuf, nahu-saraf dan falak.

Pengembangan Tarekat Ahmadiyyah ini digerakkan secara bersama dengan abangnya Syeikh Abdullah al-Lingga. Syeikh Ahmad telah mendirikan sebuah pondok di Rasah yang dikenali dengan nama Madrasah as-Saidiyyah sempena nama arah bapanya. Tuan Syeikh Hj. Ahmad menjadi khalifah Tarekat Ahmadiyyah selepas abangnya meninggal dunia. Antara kitab terkenal dalam ilmu tasawuf yang diajar oleh Tuan Syeikh ialah Kitab al-Hikam karangan Ibn Ataillah al-Sakandari. Setiap murid akan dibimbang secara muqarabah iaitu antara disiplin penting dalam Tarekat Ahmadiyyah. Antara tempat bermuqarabah adalah Masjid Rasah yang masih wujud sehingga hari ini.

Pelantikan Tuanku Abdul Rahman sebagai perdana menteri pertama Tanah Melayu meletakkan kedudukan keagamaan di peringkat Kerajaan Persekutuan kerana ketika itu masih belum wujud secara rasmi jawatan Mufti Wilayah Persekutuan. Oleh kerana itu, Tuan Syeikh Hj. Ahmad telah diberi pengiktiran dan penghormatan tertinggi sebagai pembaca doa kesejahteraan agama, negara dan bangsa sempena pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka. Tuanku Abdul Rahman sendiri mempunyai hubungan yang amat rapat dengan keluarga Syeikh Hj. Ahmad ini.

Selain dari mengajar dan berkhidmat sebagai seorang Mufti, Tuan Syeikh Hj. Ahmad turut menghasilkan beberapa karya penulisan sebagai panduan kepada masyarakat Islam di Negeri Sembilan antaranya:

1. Penjelasan di Sekitar Hukum Pungutan Zakat Fitrah Bagi Kerajaan Negeri Sembilan.
2. Pengertian Kepada Tarekat Ahmadiyyah.
3. Risalah al-Qawa'id li Samad al-Ariffin wal Qutub al Muhaqqiqin.
4. Ta'lik di atas Faedah pada Menyelitkan Kaifiyyat Terawikh Sepuluh Raka'at.
5. Safinah al-Salamah Ahwal al-Dunya wa al-Barzakh wa al-Qiamah.
6. Kanzu al-Mu'id fi Manaqib al-'Arif Billah.
7. Perbahasan Berzikir Akan Allah Dengan Kuat.
8. Aurad al-Tariqat al-Ahmadiyyah dan Kelebihan dan Tahfatun al-Ikhwan.
9. Majmu'atun Musahatun bi Tahafuh al-Awtan wa al-Ikhwan
10. Setengah Daripada Munaqib Guru-Guru Yang Mulia.

Tuan Syeikh Hj. Ahmad meninggal dunia pada 7 Januari 1964 bersamaan 21 Sya'ban 1383 H jam dua petang hari selasa. Beliau menghembuskan nafas terakhirnya dalam usia 52 tahun dan masih menjawat jawatan Mufti. Beliau dikebumikan di samping makam bapanya di sebuah kawasan tanah perkuburan dinamakan sebagai Makam Tuan Haji Said. Sebahagian besar tanah ini kepunyaan al-marhum bapanya Tuan Syeikh Muhammad Said al-Lingga yang diwakafkan untuk dijadikan

kawasan tanah perkuburan. Beliau telah meninggalkan beberapa orang anak yang turut berjasa kepada agama seperti mantan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Hj. Mohd Murtadza bin Haji Ahmad.

Sebuah institusi pendidikan agama terkenal di Negeri Sembilan suatu masa dahulu iaitu Sekolah Agama Menengah Atas dan Senawi Gemencheh telah ditukar namanya kepada Maahad Ahmadi Negeri Sembilan (MANS) pada tahun 1990 bersempena nama Tuan Syeikh Hj. Ahmad bin Syeikh Haji Muhammad Said. Beberapa orang pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari Cawangan Negeri Sembilan sendiri adalah keluaran Maahad Ahmadi antara penulis sendiri (Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh & Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf), Dr. Adibah binti Bahori, al-Marhum Ustaz Mu'allim bin Mohd. Bakri, Ustazah Nuruul Hidayah binti Mansor dan Ustaz Muhammad Noor bin Hussin.

Atas khidmat cemerlang beliau, Kerajaan Persekutuan telah mengurniakan bintang Ahli Mangku Negara, manakala kerajaan Negeri pernah mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian kepada beliau.

Semoga Allah mencurangkan rahmatNya kepada al-Marhum Tuan Syeikh Hj. Ahmad bin Syeikh Haji Muhammad Said al-Lingga...al-Fatihah.



Keutamaan Pujian Kepada Allah SWT dan Selawat Kepada Nabi Muhammad

Oleh: **Muhammad Noor Hussin**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari. UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Mananjakan puji-pujian kepada Allah SWT disunatkan apabila hendak memulakan suatu perkara penting dan juga apabila telah selesai melakukannya seperti sesudah makan, minum, bersin, ketika melamar seorang wanita dan sewaktu akad nikah. Bahkan disunatkan juga untuk menutup sesuatu doa dengan puji-pujian kepada Allah SWT seperti firman Allah SWT

وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: "Dan penutup doa mereka ialah segala puji bagi Allah Tuhan yang mentadbir sekalian alam" (Surah Yunus: 10). Selain daripada itu, puji-pujian kepada Allah SWT merupakan perkara yang wajib dilakukan pada sesetengah keadaan seperti ketika membaca khutbah. Malah, mengucapkan "Alhamdulillah" merupakan rukun dalam khutbah Jumaat dan khutbah-khutbah yang lain. Tanpa ucapan tersebut, khutbah dikira sebagai tidak sah.

Imam Syafie rahimahullah ada mengatakan "Aku suka seseorang yang memulakan perbicaraan dan segala perkara yang dilakukannya dengan memanjatkan puji-pujian kepada Allah SWT dan selawat serta salam kepada Nabi SAW". Begitulah kalam imam besar kita akan keutamaan puji-pujian kepada Allah SWT serta salam kepada Nabi SAW dalam apa jua urusan yang dilakukan." Hal ini turut diberi penekanan dalam sabda baginda Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A.

كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَأْلٍ لَا يُبْدِأُ فِيهِ بَالْحَمْدُ لِلَّهِ فَهُوَ أَقْطَعُ

Maksudnya: "Segala perkara yang memiliki kepentingan dan tidak dimulakan dengan puji-pujian kepada Allah SWT, maka perkara itu terputus daripada rahmat" (Riwayat Ibnu Majah: 1894)

Menurut Imam al-Nawawi rahimahullah, lafaz terputus daripada rahmat (aqta') membawa maksud kurangnya keberkatan. Pada masa yang sama, Umar bin al-Khattab R.A. turut meriwayatkan:

إِنَّ الدُّعَاءَ مَوْقُوفٌ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، لَا يَصْعُدُ إِذْنُهُ شَيْءٌ حَتَّى تُصْلَى عَلَى نَيْكَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: "Sesungguhnya doa terhenti di antara langit dan bumi, tidak akan naik sedikit pun sampai engkau membaca selawat kepada Nabimu" (Riwayat al-Tirmizi: 3477)

Begitulah pentingnya tahmid dan selawat malah ulama bersepakat sunat memulakan doa dengan memanjatkan puja dan puji kepada Allah SWT kemudian membaca selawat kepada Nabi SAW.

Kesimpulan yang dapat dibuat, disunatkan mengucapkan puji-pujian kepada Allah SWT dan selawat ke atas Nabi SAW dalam apa jua urusan yang dilakukan. Sebarang urusan yang tidak dimulakan terlebih dahulu dengan puji-pujian kepada Allah SWT akan mengurangkan keberkesanannya (keberkatan). Doa yang tidak disertakan dengan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW akan terhijab serta tergantung di antara langit dan bumi.

Rujukan: al-Azkar al-Nawawi

FIQH HALAL

Oleh: Nurul AtikahPoniran



Halal bermaksud sebarang perkara atau benda yang dibenarkan oleh syarak.



Allah SWT berfirman:

Maksudnya:
"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana Sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."
(Surah al-Baqarah, 2: 168)



Kenapa haram



Haram adalah yang dilarang oleh syarak seperti babi dan anjing.



Allah SWT berfirman:

Maksudnya:
"Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) arak, berjudi,(berkorban untuk) berhala, bertengun nasib dengan panah adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keuntungan. Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran (meminum) arak dan berjudi itu, dan menghalangi kamu dari mengingati Allah dan sembahyang. Maka berhentilah kamu (dari mengerjakan pekerjaan itu)"
(Surah al-Maidah 90-91)

11 PRINSIP HALAL DAN HARAM



Dalam buku al-Halal wa al-Haram fi al-Islam, Yusuf al-Qardhawi telah menganalisa beberapa prinsip dalam penentuan halal dan haram. Al-Qardhawi menyatakan bahawa walaupun Islam telah menetapkan perkara-perkara yang haram dan melarang keras dari melakukannya, tetapi Islam juga tidak mengabaikan keperluan hidup dan kelemahan manusia. Islam mengambil kira keadaan darurat yang tidak boleh dihindari. Prinsip-prinsip ini telah digarisbawahi oleh Yusuf al-Qardhawi secara jelas dan mudah untuk difahami bagi penentuan halal dan haram. Ia juga menjadi panduan pada umat Islam tentang sesuatu perkara yang ditegah akan dibenarkan demi kemaslahatan manusia.

(Sumber: Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd Jeffri Syed Jafar & Mohd Anuar Ramli. Prinsip-prinsip Halal dan haram menurut Al-Qardhawi)

Berdasarkan prinsip halal dan haram yang pertama. Asal sesuatu itu adalah harus namun jika tiada yang haram dan tiada nas sahih yang menetapkan pengharamannya. Maka, umat Islam menetapkan dasarnya bahawa semua barang dan manfaatnya adalah harus.

ISU
PENAMAAN
PRODUK

Oleh itu, sesuatu yang haram tidak mungkin boleh dihalalkan kecuali terdapat nas yang menyatakannya. Untuk isu penamaan sesuatu produk dengan nama yang halal meskipun produk tersebut adalah haram. Sebagai contoh adalah secara zatnya sesuatu yang memabukkan itu haram maka jika hilang sifat memabukkan itu maka hilang juga keharaman ke atasnya.

Secara kesimpulannya, penamaan sesuatu produk yang haram ke atas penjenamaan yang halal akan menyebabkan keraguan dan kemesyikilan masyarakat dan kesannya buruk. Hal ini sama dengan menamakan sesuatu yang halal ke atas nama yang haram. Kesannya, masyarakat akan keliru status halal dan haram sesuatu produk tersebut. Oleh sebab itu, JAKIM mengambil langkah melarang menamakan sesuatu yang halal dengan yang haram dan melarang menamakan sesuatu yang haram dengan yang halal. Perkara seperti ini perlu dielakkan kerana mengambil kira maslahat dan adat masyarakat di Malaysia.

Sumber: BAYAN LINNIS SIRI KE-73: PENAMAAN MAKANAN DAN MINUMAN: STATUS HALAL DAN ISINYA

Pemerkasaan Program Pencegahan Terhadap **Isu Seks Bebas** dalam Kalangan Remaja

Oleh: Dr. Adibah binti Bohari

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Dalam proses pembangunan dan pemodenan sesebuah negara, beberapa isu sosial perlu diberi perhatian. Seiring dengan modenisasi dan pembangunan ekonomi yang secara langsung meningkatkan taraf kehidupan setempat, timbul beberapa permasalahan seperti keruntuhan nilai kemanusiaan, moral dan akhlak dalam kalangan ahli masyarakat, terutamanya golongan remaja.

Menurut perspektif Islam, perbuatan sumbang di luar nikah telah menyebabkan keruntuhan institusi keluarga. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa usia penglibatan remaja dalam tingkah laku seks berisiko kini semakin awal iaitu bermula sejak kanak-kanak lagi. Semakin ramai dalam kalangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di negara-negara membangun terlibat dengan hubungan seks sebelum umur mereka 15 tahun (Dixon-Muller, 2009). Isu pengguguran dan pembuangan bayi sering dibincangkan di peringkat global. Hal ini menjelaskan kepada masyarakat bahawa jenayah ini merupakan kesan daripada keruntuhan akhlak remaja.

Sikap masyarakat yang tidak mengambil berat hubungan bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram seperti berpegangan tangan, berpelukan dan aksi bercumbuan di khalayak ramai boleh membawa kepada perbuatan khalwat dan perbuatan tidak sopan lain yang menjurus kepada perzinaan. Perbuatan tersebut akhirnya menyebabkan kelahiran anak luar nikah (Ainul Bashirah, et al., 2012). Dalam satu kajian lain, tabiat menonton pornografi juga boleh menyumbang kepada krisis akhlak di mana kesan tontonan membawa kepada ketagihan seksual yang buruk dan tidak normal.



Malah, statistik di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) melaporkan, tangkapan terhadap kesalahan khalwat, persediaan dan persetubuhan luar nikah di Negeri Selangor adalah berjumlah 476 kes bagi empat bulan pertama tahun 2015. Ianya mengatasi kesalahan-kesalahan jenayah Syariah yang lain seperti perjudian, pelacuran dan kesalahan-kesalahan mengenai akidah. (<http://bm.selangorku.com>).

Implikasi Seks Bebas Terhadap Remaja

Berdasarkan perangkaan, kes pembuangan bayi yang dikeluarkan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pada tahun 2010-2017, mendapat seramai 817 bayi telah dibuang dalam tempoh lapan tahun sehingga Disember 2017 dan bilangan tersebut tidak termasuk kes yang tidak dilaporkan dan pengguguran bayi.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengklasifikasikan kehamilan remaja dengan merujuk kepada kehamilan yang berlaku melibatkan individu berusia antara sepuluh hingga 19 tahun. Peningkatan aktiviti seksual dan seks tidak selamat dalam kalangan remaja mengakibatkan mereka terdedah kepada risiko kehamilan remaja, komplikasi penyakit kelamin, pengguguran tidak selamat, pembuangan bayi dan kematian sekiranya tidak dikendalikan dengan optimum.

Dalam satu kajian yang dibuat oleh Lukman Z. Mohamad menunjukkan bahawa 90% status bayi di luar nikah telah menjadi faktor utama bayi tersebut dibuang (Lukman Z. Mohamad, 2006). Remaja yang berusia 20 tahun ke bawah sangat berisiko untuk mengalami masalah ketidakstabilan hormon selepas bersalin yang dirujuk sebagai '*post natal/post partum depression*' atau juga lebih dikenali sebagai angin meroyan. Kajian menunjukkan wanita yang bersalin sebelum berkahwin sememangnya mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk mengalami gejala kemurungan ini.

Umum mengetahui bahawa kes pembuangan bayi di Malaysia disiasat di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574). Namun, Kanun Keseksaan tersebut hanya memperuntukkan hukuman akibat daripada kes pembuangan bayi. Walau bagaimanapun, aspek pelaksanaan dan keberkesanan undang-undang terhadap perbuatan buang bayi masih kurang diberi perhatian di peringkat undang-undang Sivil. Selain kesedaran masyarakat terhadap fungsi perundangan terhadap jenayah buang bayi yang masih rendah.

Kajian oleh Ehrhardt dan Spar menjelaskan bahawa Amerika Syarikat telah melaksanakan beberapa kaedah pencegahan kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja. Antaranya melalui perubahan kepada kurikulum pendidikan seks, intervensi untuk remaja lelaki dan pendedahan terhadap program keibubapaan. Berdasarkan pelaksanaan program tersebut, kadar kelahiran bayi di luar nikah menunjukkan pengurangan (Ehrhart, B & Spar, K 2001).

Teori Sistem Keluarga menyediakan kerangka kerja konseptual untuk meneroka hubungan keluarga dan memahami kefungsian mereka (Collins, Jordan & Coleman, 2010). Fokus intervensi adalah kepada bagaimana ahli-ahli dalam keluarga mempengaruhi antara satu sama lain, berbanding dengan tingkah laku setiap ahli. Remaja hamil luar nikah sangat memerlukan sokongan dan galakan sedangkan realiti yang dihadapi adalah stigma daripada masyarakat

mahupun ahli keluarga sendiri. Bagi keluarga yang berada pada tahap penafian(*denial*), keluarga memerlukan pertolongan luar seperti pekerja sosial, kaunselor mahupun individu yang boleh membantu untuk melakukan perubahan supaya penyelesaian kepada masalah menjadi lebih berkesan.

Berdasarkan kajian-kajian di negara Barat seperti di Amerika Syarikat mengenai isu buang bayi, undang-undang yang sedia ada tidak menyelesaikan masalah tersebut. Sebagai contoh, satu kajian yang dilakukan di Universiti California telah menunjukkan bahawa pencegahan melalui kempen program-program sosial adalah lebih berkesan berbanding pelaksanaan undang-undang semata-mata.



Di Malaysia, pelbagai pendekatan telah diambil oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menangani pembuangan bayi. Antaranya melibatkan program pencegahan melalui Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Badan Berkanun, Institusi Agama, PDRM, Program Pencegahan Jenayah Syariah oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), kempen cegah zina oleh Raudhatul Sakinah, perlindungan bayi terbuang kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan NGO seperti OrphanCARE dan sebagainya. Program-program tersebut mampu mengelak masyarakat daripada terlibat dengan jenayah pembuangan bayi di Malaysia. Malah, pelan tindakan bagi menangani isu pembuangan bayi juga telah diwujudkan sejak 2014 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Selain itu, pencegahan terhadap pembuangan bayi juga boleh dielakkan menerusi mekanisme undang-undang pencegahan yang ada pada Enakmen Kesalahan Jenayah

Syariah negeri-negeri. Kesalahan-kesalahan awal seperti khalwat, perbuatan tidak sopan, bersekedudukan, persediaan persetubuhan haram dan seumpama dengannya wajar dicegah bagi mengelak implikasi yang lebih besar seperti penganiayaan, pengabaian, pembuangan dan pembunuhan bayi di Malaysia.

Syariat sebagai Asas Pembentukan Akhlak

Sesuai dengan fungsi syariat dan perundangan sebagai benteng utama ke arah membentuk akhlak, maka penguatkuasaan undang-undang secara serius perlu dilaksanakan secara berterusan dan dikawal selia oleh pihak yang dipertanggungjawabkan tanpa ada sebarang unsur sabotaj dan campur tangan pihak luar. Hal ini bagi memastikan agenda menangani krisis akhlak dapat ditangani dengan lebih berkesan dan mencapai syariat Islam sepenuhnya dengan mengikut acuan perspektif al-Quran dan al-Sunnah yang sebenar. Pendekatan pencegahan yang digunakan dalam menangani seks bebas dalam kalangan remaja ini perlu dilakukan secara holistik meliputi pelbagai aspek seperti mengarusperdalamkan pendidikan agama atau sivik, pendekatan agama dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, psikologi, perundangan dan sebagainya.

Rujukan

- Ainul Bashirah Bt Ismail, Zuliza Bt Mohd Kusrin, Mat Noor Mat Zain. 2012. Kesalahan Khalwat Dan Perbuatan Tidak Sopan Dan Hukumannya Menurut Islam, Jurnal Hadhari 4 (2).
- Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
- Collins, D., Jordan, C. & Coleman, H. 2010. An Introduction To Family Sosial Work. 3rd edition. Cengage Learning, USA: Balemont.
- Dixon-Mueller, R. 2009. Starting young: Sexual initiation and HIV prevention in early adolescence. AIDS Behavior, 13, 100-109.
- Ehrhart, B & Spar, K 2001. Welfare Reform: TNAF Activities to Reduce Nonmarital Pregnancy, CRS Report for Congress, Order Cone RL31219, Congress Research Service, Library of Congress, December18.
- Lukman Z. Mohamad, 2006. Children in prostitutions: a study of young women in the rehabilitation centres in Malaysia, tesis PhD, Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pelan Tindakan Strategik KPWKM. 2013-2017.

Jahiliah dan Ideologi

Siri I

Oleh: Nasif Sidquee Pauzi

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kamus Dewan edisi keempat mendefinisikan jahiliah sebagai gelaran kepada umat Arab sebelum lahirnya Nabi Muhammad SAW yang tidak menerima kebenaran ajaran para nabi dan rasul sebelum kedatangan Islam. Perkataan jahiliah berasal daripada bahasa Arab jahala yang membawa maksud tidak mengetahui atau tidak mempunyai pengetahuan. Kamus al-Maany pula mendefinisikan istilah jahiliah sebagai tempoh masa antara zaman setelah perginya Nabi Isa a.s dan dibangkitkan Nabi Muhammad SAW.

Dalam al-Quran menjelaskan tentang jahiliah yang bermaksud keadaan jiwa yang menolak hidayah dan petunjuk ilahi serta keadaan yang bersifat menentang hukum Allah. Hal ini dinyatakan dalam surah al-Maidah ayat 50 yang bermaksud: "Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliah? Padahal kepada orang-orang yang penuh keyakinan tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah."

Apabila disebut zaman jahiliah, ia merujuk kepada masyarakat Arab yang hidup di semenanjung Arab pada waktu selepas kemasuhan empangan Ma'arib di Saba' pada tahun 300 Masihi. Tempoh zaman jahiliah itu adalah sekitar 310 tahun bermula dari tahun 300 Masihi sehingga 610 Masihi. Masyarakat Arab pada waktu itu digelar masyarakat jahiliah kerana tidak mengikut mana-mana ajaran nabi dan rasul yang terdahulu sama ada Nabi Sulaiman a.s., Nabi Ibrahim a.s., Nabi Ismail a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s. atau mana-mana nabi dan rasul yang lain. (Mohd Shukri Hanapi, 2013)

Masyarakat Arab jahiliah tidak beriman dengan Allah SWT. Kehidupan mereka tidak berpaksikan tauhid. Segala amalan dan tingkah laku mereka didasari akal dan nafsu semata-mata.

Dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri Arab jahiliah itu adalah seperti berikut: (Mohd Shukri Hanapi, 2013)

a. Menolak sebarang bentuk agama: Mereka tidak beriman dengan mana-mana nabi atau rasul yang diutuskan sebelum zaman mereka. Orang Yahudi pula telah mengubah kitab Taurat

yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. Pada waktu tersebut juga belum ada nabi yang diutuskan. Dalam masa yang sama agama dari luar Mekah masuk dan dikatakan Mekah pada waktu itu menjadi pusat penyembahan berhala. Ada juga yang percaya dengan animisme iaitu kepercayaan kepada roh atau semangat sesuatu benda.

b. Mengamalkan cara hidup berpuak-puak (semangat asabiyah). Setiap puak berpegang kepada undang-undang yang ditetapkan oleh puaknya yang tersendiri. Semangat asabiyah menjadikan mereka suka membala dendam sekiranya ada permusuhan di antara kabilah. Akibat daripada itu sering terjadinya perperangan antara kabilah. Golongan wanita pula dipandang rendah sehingga ada yang sanggup menanam anak perempuan hidup-hidup kerana merasakan terbeban dengan kelahiran anak perempuan. Lelaki pula tiada had sekiranya ingin berkahwin.

c. Mengamalkan riba dan kezaliman dalam urusan jual beli. Sebagai contoh kaum Quraisy yang tinggal di bandar akan menzalimi kaum Badwi dari luar bandar dengan berlaku tidak jujur dalam transaksi jual beli, akibatnya kaum Badwi kebiasaan akan melakukan rampasan rombongan perniagaan kaum Quraisy apabila keluar berniaga.

d. Tidak memiliki pentadbiran dan politik yang stabil. Kestabilan politik tidak dapat dicapai kerana kabilah-kabilah Arab sering bertelingkah. Walau pun Arab pada waktu tersebut mempunyai kerajaan yang tersendiri namun ianya tidak menjamin kestabilan politik kerana rantau Arab pada ketika itu dijajah oleh kuasa Rom dan Parsi di sebelah utaranya, manakala Habsyah (Ethiopia) menjajah mereka di sebelah selatan.

Demikianlah serba ringkas keadaan masyarakat Arab jahiliah sebelum kedatangan Nabi SAW. Keadaan kacau bila tanpa pedoman ini terus menerus diamalkan sehingga datangnya Nabi akhir zaman. Walau pun demikian, terdapat amalan jahiliah yang diteruskan dalam syariat Islam. Dalam keluaran akan datang akan dibincangkan amalan pada zaman jahiliah yang masih diteruskan dalam Islam.

Rujukan

<https://www.almaany.com>

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=jahiliah>

Mohd Shukri Hanapi. (2013). From Jahiliyyah To Islamic

Worldview: In Search Of An Islamic Educational Philosophy, dalam International Journal of Humanities and Social Sciences (IJHSS), Vol. 3., No. 2, Special Issue. h. 213-221

Penubuhan Jabatan/ Institusi Fatwa di Malaysia: **KEDAH, PERLIS** dan **PULAU PINANG**

Oleh: Dr. Hj. Mohd. Kamel bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari. UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Kedah: Pentadbiran hal ehwal agama Islam Kedah terletak di bawah kuasa Sultan. Untuk melaksanakan operasi pentadbiran, Sultan melantik seorang Sheikh al-Islam sebagai pembantu dan penasihat. Jawatan ini kali pertamanya disandang oleh Muhammad Khayat seorang berbangsa Arab yang berkhidmat dari tahun 1901-1903, diikuti kemudiannya (kemudiannya diikuti?) oleh Syed Abdullah Dahlan (1904-1905) dan Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek (1905-1935). Apabila Haji Wan Sulaiman meninggal dunia, kerajaan negeri Kedah telah menubuhkan Majma' Sheikh al-Islam menggantikan jawatan Sheikh al-Islam. Institusi ini dianggotai oleh Kadi Besar Ketika itu, Sheikh Ahmad Wakas sebagai Pengerusi bersama dengan dua orang anggota lain. Pengerusi terakhir Sheikh al-Islam ialah Sheikh Abdul Rahman bin Abdul Latif.

Kewujudan dua institusi ini menjadi mata rantai kepada penubuhan Majlis Agama Islam Kedah. Fungsi utama Majlis adalah sebagai penasihat dan pembantu Sultan dalam tadbir urus hal ehwal agama Islam dan adat-istiadat Melayu di Kedah. Pada tahun 1962, Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No. 9. Pada tahun yang sama, Jabatan Agama Islam Negeri Kedah ditubuhkan. Rentetan kronologi ini membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Fatwa, maka bermulalah fungsi seorang mufti bersama jawatankuasanya yang sebelumnya dikenali sebagai Sheikh al-Islam.

Jawatankuasa bertanggungjawab mengeluarkan fatwa dan hukum agama yang diajukan oleh orang awam, mahupun atas inisiatif Mufti sendiri apabila melihat keperluan kepada penjelasan sesuatu hukum yang memberi manfaat kepada umat Islam.

Pada 7 Jun 1999, wakil dari Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) diketuai oleh YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, YAA Dato' Ketua Hakim Syarie Negeri Kedah, Tuan Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dan Penolong Setiausaha Kerajaan (Cawangan Perkhidmatan) telah menghadap KDYMM Tuanku Sultan Kedah bertujuan mempersebahkan cadangan mesyuarat Majlis Agama Islam Kedah untuk melantik secara rasmi Sohibus Samahah Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Mohd. Noor, bagi menjawat jawatan Mufti Negeri Kedah menggantikan jawatan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa.

Bermula pada 1 Januari 2000 pentadbiran jabatan ini dipisahkan sepenuhnya daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah namun masih merujuk kepada Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Nombor 9 Tahun 1962 sehingga pindaan dibuat pada 3 Ogos 2000 di mana jawatan Mufti Negeri Kedah diwartakan di dalam warta kerajaan dari perkataan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa kepada Mufti. Pada 1 September 2000, gelaran Pengerusi Jawatankuasa Fatwa telah ditukar kepada Mufti. Ia telah digunakan pada tahun 2000 sehingga kini.

Bagi memantapkan lagi pentadbiran Jabatan Mufti Negeri Kedah, satu enakmen baru telah digubal khusus berkaitan bidang kuasa Jabatan Mufti dan hal-hal yang berkaitan dengannya. Pada 18 November 2007 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 telah diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman setelah mendapat perkenan KDYMM Tuanku Sultan.

Dengan berkuatkuasa enakmen tersebut, pada 1 April 2008, pentadbiran institusi fatwa di Negeri Kedah diperkemaskan lagi dengan keanggotaan Jawatankuasa Fatwa yang terdiri daripada Mufti sebagai Pengerusi, Timbalan Mufti sebagai ahli, tiga orang anggota Majlis, dan tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada enam orang lain, yang layak dan sesuai dilantik oleh KDYMM Tuanku Sultan atas nasihat Mufti serta seorang pegawai dari Jabatan Mufti sebagai Setiausaha.

Jawatan Mufti sekarang disandang oleh Sohibus Samahah Dato' Syeikh Fadzil bin Haji Awang. Beliau merupakan Mufti Negeri Kedah yang keempat mulai 20 Julai 2017.

Pulau Pinang: Sejarah asal pentadbiran Islam dilaksanakan oleh seorang kadi yang dilantik oleh penjajah Inggeris. Pemilihan kadi dilakukan oleh masyarakat setempat melihat kepada individu yang mempunyai tahap keilmuan yang tinggi, manakala Inggeris hanya mengeluarkan surat lantikan sahaja. Pada tahun 1915, Inggeris menubuhkan Lembaga Penasihat Islam (Muslim Advisory Board) yang dianggotai oleh orang-orang Arab, India Muslim dan orang Melayu yang berpengaruh dalam masyarakat. Ia ditubuhkan bagi membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkait dengan hal ehwal Islam dalam negeri.

Pada 15 April 1959, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan undang-undang penubuhan Majlis Agama Islam Pulau Pinang iaitu Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang. Oleh kerana Pulau Pinang tidak mempunyai Sultan, maka ketua agama bagi negeri ini ialah Yang Di Pertuan Agong.

Mufti Pulau Pinang yang pertama ialah Tuan Haji Abdullah Fahim yang dilantik pada tahun 1959. Bagi membantu Mufti dalam menyelesaikan permasalahan hukum syarak yang dihadapi oleh masyarakat awam, sebuah Jawatankuasa Syariah telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang yang dianggotai oleh Mufti sebagai Pengerusi, dua orang ahli Majlis dan tidak kurang dari dua orang ahli tetapi tidak lebih enam orang dan bukan anggota Majlis.

Pada 1 Januari 1997 Pejabat Mufti Negeri Pulau Pinang ditubuhkan dan kini dikenali sebagai Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Jawatan Mufti sekarang disandang oleh Y.Bhg. Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim bin Wan Mohd. Noor.

Perlis: Islam mula masuk ke Perlis dalam lingkungan tahun 1474. Pemerintahan Perlis banyak dipengaruhi oleh keturunan Syed yang datang dari wilayah Hadramaut di Tanah Arab. Dari sudut penjajahan, walaupun pernah ditakluk oleh kerajaan Siam dan Inggeris, penjajah tidak pernah campur tangan mengenai pentadbiran berkaitan hal ehwal Islam dan adat Melayu kerana kedua-dua kuasa ini ditadbir oleh Raja sebagai pemerintah.

Pada tahun 1920, Sultan Syed Putra menubuhkan Majlis Agama Islam Perlis. Manakala pada 12 Januari 1948, kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat-Istiadat Melayu Perlis sebagai tadbir urus hal ehwal agama mengantikan Undang-Undang Mahkamah Syariah. Tugas utama Majlis adalah menasihati Raja dalam hal ehwal agama Islam dan adat Melayu. Bagi merealisasikan tugas tersebut, Majlis telah menubuhkan Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Mahkamah Kadi dan Jawatankuasa Ulangbicara. Bahagian Mufti

ditubuhkan sebagai salah satu entiti dalam Majlis bermula dengan Penubuhannya pada 27 Februari 1964. Walau bagaimanapun, jawatan dan skop tugas seorang Mufti telah wujud lebih awal semasa pemerintahan Syed Alwi dan mufti pertama dalam sejarah negeri Perlis ialah Tuan Haji Muhammad Nor bin Haji Muhammad (1920-1941).

Pada peringkat awal pelantikan Mufti ketika zaman tersebut, tidak ada jawatankuasa yang dibentuk. Mufti sebagai penasihat Raja membantu baginda dalam menjawab persoalan berkait hukum syarak yang timbul dalam masyarakat. Namun dari semasa ke semasa, institusi ini semakin diperkemas terutama melalui penubuhan Jawatankuasa Syariah di bawah Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis yang diluluskan pada tahun 1963.

Mufti negeri Perlis sekarang ialah Sahibus Samahah Prof. Madya Dato Arif Perkasa Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin.

Briged Greet and Meet

Oleh: Suhaila Sharil

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari.

UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Pada 10 April 2021, Persatuan Briged Sukarelawan telah menganjurkan Program Briged Greet and Meet secara dalam talian pada jam 8.30 malam hingga 10.00 malam yang telah dihadiri oleh 98 orang pelajar. Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Muhammad Jed Hakim bin Hasni dan seterusnya ucapan penasihat pertama iaitu Ustazah Suhaila Sharil. Antara amanat yang disampaikan adalah kepimpinan melalui teladan dan dalam membina objektif program, perlulah melihat segala keperluan, kemaslahatan pelajar serta memberi manfaat kepada seluruh ahli Persatuan Briged Sukarelawan dan masyarakat setempat. Selain itu, dalam fasa pembelajaran dan pengajaran dalam talian, program-program yang dilaksanakan juga adalah secara dalam talian. Justeru, perlulah lebih kreatif dan saling bantu-membantu untuk menjayakan program seterusnya menjadikan persatuan sebagai platform untuk mengasah bakat serta memberikan kemahiran kepimpinan kepada ahli di samping membantu masyarakat melalui apa jua usaha yang diperlukan. Penasihat juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa baru yang dilantik dan mengharapkan jawatankuasa tertinggi Persatuan Briged Sukarelawan dapat menyebangkan komitmen antara pembelajaran serta aktiviti berpersatuan. Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Jawatankuasa Persatuan Briged Sukarelawan 2020/2021 yang memberikan sumbangan dari sudut tenaga, masa dan buah fikiran untuk menerajui dan memberi galakan kepada ahli menjadi sukarelawan berjaya. Sesungguhnya kejayaan itu tidak akan datang tanpa usaha yang gigih dalam kalangan pelajar dan sokongan moral juga sangat penting dalam menghadapi pembelajaran dalam talian.

Selesai ucapan Penasihat, majlis menjemput Muhammad Nur Aiman Yahya untuk memberikan ucapan mewakili Jawatankuasa baru Persatuan Briged Sukarelawan seterusnya memperkenalkan majlis tertinggi jawatankuasa 2021/2022 yang telah dipilih dalam kalangan pelajar. Majlis diteruskan dengan pembentangan takwim semester bagi memudahkan semua ahli Persatuan Briged Sukarelawan untuk memilih dan

membantu program-program yang akan berlangsung pada tahun 2021. Melalui pembentukan takwim, aktiviti-aktiviti seperti E-poster, We Stand, We Do, M-Kuliyyah, Tokoh Review dan banyak lagi aktiviti menarik dapat didedahkan kepada pelajar untuk mengasah bakat kepimpinan dan seterusnya memimpin organisasi melalui pengalaman dan latihan yang diberikan. Majlis menutup tirai dengan persembahan yang diadakan oleh mantan jawatankuasa Persatuan Briged Sukarelawan dan video montaj yang membuatkan pelajar-pelajar merindui suasana untuk pulang ke kampus. Semoga program Greet and Meet ini dapat menghidupkan ukhuwah dalam kalangan pelajar meskipun secara dalam talian.

